

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ISMAIL HAJI BAKAR**  
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTI RASUAH NASIONAL**  
**PADA 29 JANUARI 2019, JAM 9.00 PAGI**  
**DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

**SALUTATIONS**

1. Pertamanya, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah dan perkenanNya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis **MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTI RASUAH NASIONAL (NACP)** yang akan disempurnakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi sekalian.
  
2. Terlebih dahulu saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Tun dan seluruh anggota pentadbiran kerajaan yang sudi hadir bersama-sama dengan kita pada pagi yang berbahagia ini.
  
3. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) atas usaha mereka membantu kerajaan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), yang merupakan sebuah pelan strategi yang penting dalam melaksanakan dasar anti rasuah di Malaysia.
  
4. Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional bagi tempoh lima tahun akan datang ini amat signifikan dalam mencerminkan harapan rakyat untuk

membentuk sebuah negara yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan integriti.

5. Seperti semua sedia maklum, rasuah merupakan isu kritikal yang perlu ditangani secara sistematik dan menyeluruh kerana ia boleh menyebabkan berlaku peningkatan pada jumlah kos modal dan pembangunan bagi apa jua program atau projek yang dilaksanakan. Ini sudah tentu memberikan kerugian besar kepada negara. Rasuah bukan semata-mata kesalahan undang-undang. Tetapi juga kesalahan sosial dan peradaban yang boleh menjejaskan imej Malaysia di mata dunia.

6. Penjawat awam adalah golongan yang berisiko tinggi terhadap rasuah, khususnya bagi mereka yang terlibat dalam pelaksanaan keputusan dan perolehan kerajaan. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, didapati bahawa sebanyak 40 peratus daripada pesalah yang ditahan oleh SPRM dalam tempoh 2011 hingga 2015 merupakan kalangan penjawat awam.

7. Sementara itu, kajian Persepsi Integriti Nasional (KPIN) pula mendedahkan bahawa penjawat awam juga kurang kefahaman mengenai rasuah, khususnya yang berkaitan dengan 10 kesalahan rasuah seperti yang terkandung dalam akta SPRM 2009.

8. Sebab itu kita sangat alu-alukan pelancaran Pelan ini dan kita harapkan menerusi pelaksanaan pelan ini, imej dan kualiti perkhidmatan awam dapat dimantapkan ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara, dan seterusnya mencapai matlamat NACP yang ingin menjadikan penjawat awam efisien dan responsif dalam memberikan perkhidmatan kelas pertama. Pada masa yang sama, persepsi negatif masyarakat terhadap penjawat awam turut dapat diperbaiki.

9. Di samping itu, pelan ini juga dapat membantu menangani isu governans, integriti dan anti rasuah secara menyeluruh, khususnya dalam perkhidmatan awam selain undang-undang yang membolehkan tindakan punitif diambil terhadap pegawai-pegawai yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran dana kerajaan.

10. Pembaharuan ke arah mensejahterakan perkhidmatan awam dan rakyat amnya amat perlu dilaksanakan dalam sektor awam demi menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan. Pemisahan kuasa antara badan pemerintah, perundangan dan kehakiman perlu diutamakan dalam memastikan integriti perkhidmatan awam tidak dipertikaikan. Doktrin pengasingan kuasa dalam amalan demokrasi ini amat penting bagi melindungi kebebasan semua pihak dan juga untuk menghindari daripada berlaku salah guna kuasa.

11. Demi mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, perkhidmatan awam perlu bebas daripada rasuah. Penjawat awam juga akan sentiasa bersama-sama dan terus menyokong dalam menjayakan agenda anti rasuah negara ini.

12. Saya ingin menyeru kepada semua penjawat awam di dalam dewan ini dan diluar sana, agar dalam melaksanakan tugas, penjawat awam hendaklah mempamerkan sikap tegas, berani, adil dan sanggup mengambil risiko bagi menentukan integriti dan governans tidak dikompromikan.

13. Saya percaya, dengan pelaksanaan NACP dalam kalangan penjawat awam, prestasi sektor awam dan kepercayaan rakyat akan bertambah baik. Oleh itu, saya berharap agar semua penjawat awam dapat

memberikan sepenuh komitmen terhadap pelan ini bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaannya.

14. Sekali lagi terima kasih kepada semua pihak yang berkerjasama membantu GIACC dalam majlis pelancaran hari ini. Saya difahamkan bahwa pihak GIACC mendapat bantuan dan sokongan padu daripada pihak UKK di Jabatan Perdana Menteri, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan daripada pihak Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Terima kasih kepada semua.

15. Sekarang dengan penuh hormat dan takzim, saya ingin menjemput YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia untuk menyampaikan ucapan perasmian. Dengan segala hormatnya dipersilakan.